

TM

# SOLUSI

PANDUAN  
HIDUP  
BERSYARIAT

2012 | PP 15048/05/2012 (029644) |

• MOTIVASI • FARDU AIN •

ISU No. **41**

## TUTUP AURAT SUPAYA SELAMAT

Allah s.w.t. mengharamkan wanita mendedahkan kecantikan zahimya, bukan bertujuan menyekat kebebasan wanita, tetapi kerana Allah menyayangi wanita. Tidak ada wanita yang akan teraniaya dan menderita kerana hukum menutup aurat. Sebaliknya, dengan mendedahkan aurat mereka telah menzalimi diri mereka dan merosakkan orang lain.

**110** Ramai Wanita Menghuni Neraka?

**96** Komitedkah Aku dalam Mendalami Islam?

**68** Riba, Umpama Dirasuk Syaitan

**25** Aib Orang Diselindung, Aib Sendiri Disorok

ISSN 1985-5400



9 771985 540003

41



RM 10.00 (SEM)  
RM 12.00 (S/S)  
SGD 7.50  
BND 7.50  
USD 10.00  
EUR 8.00  
IDR 35,000.00  
AUD 7.50

TELAGA BIRU SDN. BHD.



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS  
Incorporated in Malaysia

**D**alam artikel yang lalu, kita ada membicarakan tentang *taqarrub* (mendekatkan) kepada Allah dengan dua perkara. Pertama adalah dengan melakukan perkara fardu. Ini adalah perkara yang paling dikasihi oleh Allah.

Kedua, *taqarrub* kepada Allah dengan melaksanakan amalan sunat. Amalan sunat dilakukan selepas amalan fardu sebagai pelengkap kepada amalan fardu. Dengan dua perkara ini, seseorang hamba akan dapat meraih kasih Allah dengan sebaiknya.

Dalam satu ungkapan hadis kudsi, Allah Azawajalla berfirman yang bermaksud: "Apabila hamba-Ku mendekati-Ku se-jengkal, maka Aku akan mendekatkan Diriku kepadanya sehasta. Dan apabila hamba-Ku mendekati-Ku sehasta, maka

Aku mendekatkan diri-Ku kepadanya sedepa. Dan apabila hamba-Ku datang kepada-Ku dalam keadaan berjalan, maka Aku datang kepadanya dalam keadaan berlari (هَرُولَةً)." (Riwayat al-Bukhari no. 7536)

### Bagaimana Allah Berlari?

Apabila kita meneliti hadis ini, hendaklah menjauhkan diri kita daripada menggambarkan atau membayangkan bagaimana Allah berjalan dan berlari. Bayangan ini akan membawa kepada aqidah *tashbih* iaitu aqidah yang menyamakan Allah dengan makhluk. Ia juga membawa kepada aqidah *tajsim* iaitu

aqidah yang menganggap Allah bersifat dengan anggota tubuh.

Allah Maha Suci daripada boleh dipersoalkan "bagaimana" kerana sesuatu yang boleh dibagaimanakan adalah sesuatu yang boleh dimisalkan. Al-Quran telah menjelaskan bahawa tiada sesuatu pun serupa dengan Allah. Allah berfirman yang bermaksud: "Tidak ada sesuatu pun yang serupa dengan Dia dan Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat." (*Surah al-Syura* 42: 11)

Demikian juga jangan membayangkan apa-apa apabila disebut hadis yang menceritakan tentang "yad Allah" (yang makna zahirnya ialah tangan Allah) dan "ayn Allah" (yang makna zahirnya ialah mata Allah), dibimbangi akan wujud bayangan di benak kita bahawa Allah mempunyai tangan, atau tangan Allah sama sebagaimana tangan manusia yang mempunyai lima jari, ada urat-nya, ada saluran darah dan sebagainya. Sesungguhnya tiada sesiapa pun mengetahui hakikat dan zat Allah melainkan Allah sendiri.

Manakala sifat beranggota pula ialah sifat makhluk ciptaan Allah seperti kata-kata salah seorang ulama salaf yang soleh, al-Imam Abu Ja'far al-Tahawi dalam *Matan al-Aqidah al-Tahawiyah*:

"Dan Allah Maha Suci daripada sekalian batasan, penghujung, penjuru, anggota kasar dan anggota kecil, malah Dia tidak diliputi oleh arah yang enam (atas, bawah, kiri, kanan, depan dan belakang) seperti sekalian makhluk."

### Takwil dan Tafwid

Sebenarnya, ada dua pendekatan yang benar untuk memahami nas-nas sebegini. Dalam *Matan Jawharah al-Tawhid* ada dinyatakan dua pendekatan yang penting iaitu:

# Ayuh Menuju kepada Allah



وَكُلُّ نَفْسٍ أَوْهَمَ التَّشْبِيهَا # أَوْلُهُ أَوْ فَوْضٌ وَرُمَّ تَنْزِيهَا

Maksudnya: "Dan setiap nas yang menimbulkan *tashbih*, maka takwilkan ia atau *tafwidkan* dan niatkan *tanzih*."

*Tafwid* bermaksud menyerahkan iaitu menyerahkan ilmu makna yang dikehendaki daripada nas tersebut kepada Allah. Walaupun begitu, penyerahan makna kepada Allah adalah selepas takwil secara ijmal.

Takwil secara ijmal adalah dengan memalingkan lafaz nas tersebut daripada makna zahir serta beriman dengan nas tersebut dengan iktikad bahawa ada suatu makna yang layak dengan kesempurnaan dan keagungan Allah yang bukan terdiri daripada sifat-sifat makhluk dan tidak menetapkan nas tersebut dengan makna yang khusus. Manakala *tanzih* pula bermaksud menyucikan Allah daripada perkara yang tidak layak bagi-Nya. *Tafwid* ialah pendekatan kebanyakan ulama salaf.

Takwil dalam *Matan Jawharah al-Tawhid* bermaksud takwil secara tafsil iaitu takwil dengan menentukan makna yang benar dalam bahasa Arab dan tidak menanggung nas tersebut dengan makna zahir. Takwil pula ialah pendekatan kebanyakan ulama *khalaf*.

Oleh sebab itu, konsep majaz atau kiasan merupakan konsep yang baik dan selamat dalam memahami hadis ini.

Al-Karmani berkata: "Telah terterang keterangan-keterangan yang *qat'i* (muktamad) atas mustahil penamaan ini bagi Allah Taala. Jika begitu, maka penamaan tersebut atas jalan majaz. Maknanya: 'Sesiapa melakukan suatu ketaatan meskipun sedikit, maka dibalas pahala dan kemuliaan yang berganda-ganda baginya. Setiap kali dia menambah ketaatan, maka ketaatan itu pula menambahkan baginya pahala...'" (*Dalil al-Falihin*, jil. 1, hlm. 264, no. 96)

## Di Balik Tabir

Ibn Battal menjelaskan maksud hadis ini dengan berkata: "Allah menyifatkan Diri-Nya bahawa Dia hampir kepada hamba-Nya, Dia juga menyifatkan hamba-Nya dekat kepada-Nya dan Dia menyifatkan diri-Nya dengan *ityan* (makna zahirnya ialah datang) dan *harwalah* (makna zahirnya ialah berlari). Semua itu

## Amalan yang kita buat hanyalah sedikit, namun kadar pahala yang dikurniakan oleh Allah lebih banyak daripada amalan. Kalau amalan sekadar sejengkal, maka pahala pula sehasta.

mengandungi makna hakikat dan majaz. Maka tanggungan perkataan tersebut atas makna hakikat (makna zahir) yang membawa kepada rentasan jarak dan berdekatnya jisim. Itu mustahil pada hak Allah Taala.

"Oleh kerana hakikat (makna zahir) itu mustahil, maka majaz digunakan secara khusus lantaran kemasyhurannya dalam percakapan Arab. Oleh sebab itu, menyifatkan hamba sebagai mendekati diri kepada Allah sejengkal, sehasta dan datangnya dalam keadaan berjalan, membawa maksud mendekati dirinya dengan melakukan ketaatan dan menunaikan amalan fardu dan sunat. Dan Allah s.w.t. mendekati diri kepada hamba-Nya dan datang kepada hamba-Nya merupakan penjelasan bahawa Allah akan memberikan ganjaran pahala bagi ketaatan yang dilakukan oleh hamba, malah rahmat-Nya juga akan mendekat." (*Fath al-Bari*, jil. 13, hlm. 621)

Sebenarnya dalam kalangan ulama salaf ada yang mentakwilkan nas-nas lain yang seumpama dengan hadis di atas. Contohnya, al-Imam Ahmad Ibn Hanbal telah mentakwilkan lafaz *جَاءَ* (yang makna zahirnya "datang") dalam ayat 22 surah al-Fajr dengan makna "datangnya pahala Allah". (Diriwayatkan oleh al-Hafiz al-Baihaqi dalam kitabnya *Manaqib Ahmad* yang dipetik oleh Ibn Kathir dalam kitabnya *al-Bidayah wa al-Nihayah*, jil. 10, hlm. 327)

Oleh sebab itu, tidak wajar menerangkan perbuatan dan sifat-sifat Allah dengan menyerupakannya dengan makhluk. Ini dibimbangi akan membawa kepada kefahaman bahawa Allah sama seperti makhluk.

Walau bagaimanapun, ada riwayat hadis dalam *Sahih al-Bukhari* (no. 7407) bahawa Nabi s.a.w. mengisyratkan kepada mata apabila menyebut bahawa Allah tidak buta. Hadis ini difahami bahawa ia bukan bagi menyerupakan sesuatu dengan Allah, akan tetapi bagi menerangkan sifat melihat.

## Pahala Berganda

Hadis kudsii ini sebenarnya menjelaskan bahawa pahala dan kurniaan Allah lebih

banyak daripada apa yang kita lakukan. Amalan yang kita buat hanyalah sedikit, namun kadar pahala yang dikurniakan oleh Allah lebih banyak daripada amalan. Kalau amalan sekadar sejengkal, maka pahala pula sehasta. Begitulah perumpamaan yang al-Quran gambarkan dalam aspek sedekah menerusi firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang yang menafkahkan hartanya pada jalan Allah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada tiap-tiap tangkai seratus biji. Allah melipatgandakan (ganjaran) bagi sesiapa yang Dia kehendaki dan Allah Maha Luas (kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui." (*Surah al-Baqarah* 2: 261)

Bayangkan sedekah yang ikhlas sekadar RM10 akan diterima dan disuburkan oleh Allah hingga ia menjadi gandaan yang lebih besar. Bahkan dalam riwayat hadis, niat untuk melakukan kebaikan sudah dikira pahalanya oleh Allah walaupun belum lagi melakukannya.

Jika niat untuk bangun bertahajud akan mendapat satu pahala, walaupun tidak bangun bertahajud atau tidak pernah bertahajud. Niat untuk bersedekah sahaja sudah mendapat satu pahala, walaupun tidak mampu bersedekah. Inilah sifat Pemurah bagi Allah.

Bahkan kalau terdetik niat dalam hati untuk melakukan kejahatan tetapi tidak dilakukan, maka ada ganjaran pahala kerana tidak melakukan kejahatan tersebut. Namun jangan pula bermudah-mudah berniat untuk melakukan kejahatan kerana dibimbangi dosa dan maksiat kelihatan begitu kecil di mata kita yang akhirnya akan menyebabkan mudah melakukan dosa.

## Mulakan Langkah Pertama

Hadis ini juga memberikan kefahaman bahawa kita sebagai hamba mestilah memulakan langkah pertama untuk mendekati diri kepada Allah s.w.t. Ini kerana hadis kudsii ini dimulakan dengan sikap insan yang mendekati diri kepada Allah.

Oleh sebab itu, sikap tidak mahu berusaha untuk keluar daripada maksiat kepada ketaatan dengan alasan bahawa Allah belum berkehendak merupakan alasan yang tidak kukuh. Jika begini keadaannya, ia tidak memberikan tenaga positif untuk mendapatkan kasih sayang Allah s.w.t.

Keampunan Allah terbuka kepada sesiapa sahaja. Pahala yang Allah sediakan pun boleh didapati oleh sesiapa sahaja. Namun bagaimana sikap kita untuk mendapat keampunan dan ganjaran pahala daripada Allah? Adakah kita berusaha untuk menggapainya? **S**



**Mohammad Nidzam Abd. Kadir (Al-Jarumi)**

Lulusan diploma KUSZA, Sarjana Muda Universiti al-Azhar, Kaherah dan Ijazah Sarjana dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Juga mempunyai pengalaman pengajian di Pondok Pasir Tumboh, Kelantan. Kini pensyarah di UIAM. Boleh dihubungi di e-mel: nidiium@yahoo.com.